

Jadi Calon Yang Menang Dan Bukan Sekadar Calon Boleh Menang
Bernama
30 November, 2011

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Calon Pergerakan Pemuda Umno yang dipilih untuk bertanding dalam pilihan raya umum ke-13 kelak perlu menjadi calon yang menang dan bukan sekadar menjadi calon boleh menang, kata Ketua Pemuda Umno Perak Khairul Azwan Datuk Harun.

Beliau berkata untuk menjadi calon yang menang, mereka perlu menjadi lebih inovatif, efisien dan berkaliber menawan hati pengundi dan golongan muda.

"Calon yang menang perlu dikenal pasti dari awal iaitu mereka yang berkaliber dalam menggerakkan Pemuda memenangi hati rakyat... dan selepas pengumuman kerajaan untuk meminda Akta AUKU (Akta Universiti dan Kolej Universiti), kita akan mengubah padang permainan kita kepada memfokuskan golongan pelajar universiti," katanya semasa membahaskan ucapan dasar Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin pada Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno 2011 di sini, pada Rabu.

Khamis lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan usul pemansuhan Proklamasi Darurat dan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 di Dewan Rakyat mengumumkan bahawa kerajaan akan meminda AUKU bagi membenarkan mahasiswa menjadi ahli mana-mana parti politik.

Khairul Azwan berkata Pemuda Umno perlu lebih agresif mendekati golongan mahasiswa dan menarik mereka ke pangkuan Umno.

"Mahasiswa di negara kita ada lebih 200,000 dan jika kita tidak bertindak segera maka Pemuda Umno akan ketinggalan di belakang parti pembangkang yang sudah menggerakkan jentera bagi mendekati mahasiswa," katanya.

Ketua Pemuda UMNO Kedah Badrul Hisham Hashim berkata slogan Kedah Sejahtera yang diuar-uarkan kerajaan negeri pimpinan PAS hanyalah retorik kerana Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Kedah turun mendadak berbanding ketika di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Katanya dari 2004 hingga 2008 di bawah pemerintahan BN, Kulim Hi-Tech Park berjaya menarik 78 buah kilang dengan jumlah pelaburan RM26.8 bilion tetapi sejak PAS mengambil alih pentadbiran, jumlahnya menguncup dan hanya mencatatkan tujuh kilang dengan jumlah pelaburan RM2.6 bilion.

Beliau berkata harga rumah di Kedah juga meningkat 25 peratus setiap tahun sehingga rumah teres dua tingkat mencecah RM400,000 hampir menyamai harga rumah di Lembah Klang.

Ketua Pemuda Umno Perlis Mohd Mohsin Yusof berkata Pemuda Umno perlu mencari 40 peratus pengundi muda yang menguasai populasi undi dengan mendekati dan mengenali mereka daripada pelbagai sudut.

"Kita tahu golongan muda terutamanya ialah golongan mahasiswa, tetapi kita perlu mendekati golongan mereka yang bermain muzik, bersukan, dan mungkin juga mereka yang selalu menonton bola di restoran. Mereka perlu kita dekati dan ini merupakan strategi baik untuk menarik sokongan mereka," katanya.

Ketua Pemuda Umno Sabah Mohd Joh Wid berkata calon yang dipilih pada pilihan raya akan datang mestilah juga calon yang setia.

"Kita nak mereka bukan sahaja boleh menang tetapi mereka mestilah setia kepada parti dan bersedia berkhidmat dengan jujur. Kita tidak mahukan calon yang apabila sudah menang mereka terus lompat parti," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=630924>